

4



# E-BULETIN ACIS

## MENGGAPAI ANGKASA, MEREALISASI CITA-CITA

Kembali selepas daripada naskhah terakhir, E-Buletin ACIS edisi keempat MAC 2024 menampilkan tema 'menggapai angkasa, merealisasi cita cita'. Selari dengan matlamat mendokong wawasan UiTM ke arah *Globally Renowned University* menjelang 2025, ACIS komited dalam meningkatkan *visibility* fakulti ke persada antarabangsa. Beberapa siri projek memperkuuh hubungan baik bersama organisasi di peringkat antarabangsa telah dijalankan antaranya bersama kedutaan Arab Saudi, Qatar, Jordan, Kuwait dan rakan strategik sekitar Thailand, Indonesia, Brunei dan Jepun. Edisi kali ini juga merangkumkan dua tahun pentadbiran YBhg. Profesor Dr Mohd Afandi Mat Rani sebagai dekan ACIS.

### MENARIK EDISI KEEMPAT:

**MISI PENGANTARABANGSAAN ACIS:**

**ARAB SAUDI, QATAR, JORDAN, KUWAIT, IRAQ,  
JEPUN, INDONESIA, BRUNEI & THAILAND**

**SEMINAR ANTARABANGSA**

**ICIS, ISPS & IPCIS**

**MEMPERKASA**

**ENTITI**

**KECEMERLANGAN**

**MOU &**

**MOA**

**ACIS &**

**KOMUNITI**



Jawatankuasa Pelaksana Program Seminar Peradaban Islam dan Ketamadunan Malaysia (SPIKEM) Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia - Yadim

Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Program Seminar Peradaban Islam dan Ketamadunan Malaysia (SPIKEM) anjuran bersama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dengan kerjasama ACIS UiTM dan Pusat Kajian Manuskrip Alam Melayu (PUSKAM) UiTM telah dipengerusikan oleh Prof. Madya Dr. Mohd Afandi Mat Rani - Dekan ACIS bertempat di Bilik Mesyuarat Cempaka 5, UiTM Shah Alam.

Hadir sama di dalam mesyuarat tersebut adalah pegawai daripada Unit Penyelidikan Dakwah YADIM yang diketuai oleh Dr Masitah Esa -Ketua Pakar Bidang Khusus; Tuan Zamani Mohd Karulani- Penolong Pengarah Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif; Tuan Muhammad al Hanif Mah Hassan- Pegawai Penyelidik; wakil YADIM dan barisan jawatankuasa pelaksana daripada ACIS. Mesyuarat memperincikan butiran dan gerak kerja bagi pelaksanaan Seminar Peradaban Islam dan Ketamadunan Malaysia yang dijadualkan berlangsung pada 18 Oktober 2023 di UiTM Shah Alam.

Mengangkat tema Falsafah Adab & Peradaban Dalam Pengukuhan Malaysia Madani, SPIKEM mensasarkan 200 peserta daripada kalangan siswa dan pensyarah UiTM dengan matlamat meningkatkan penghayatan falsafah adab dalam pengukuhan peradaban Malaysia Madani disamping menyebarluas nilai dan budaya ketamadunan Melayu sebagai teras pembinaan peradaban Malaysia Madani.





جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Akademi  
Pengajian Islam  
Kontemporari

## AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)  
40450 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN  
MALAYSIA

- <https://acis.uitm.edu.my>
- korporatacis@uitm.edu.my
- +603- 5544 2650
- acis.uitm



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA terlebih dahulu.